



UCAPAN

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-27

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

27 Oktober 2020



PENGENALAN

Assalamu'alaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Saya berharap semua rakyat Malaysia sentiasa sihat di mana-mana anda berada. Dengan kes jangkitan COVID-19 yang semakin meningkat, marilah kita sama-sama terus mematuhi SOP agar dapat membendung penularan virus ini.
2. Pagi tadi saya sedih membaca berita bahawa lebih 10,000 pegawai dan anggota polis dikuarantin, manakala sekurang-kurangnya 200 disahkan positif COVID-19 dan sedang dirawat. Saya mendoakan kesembuhan segera buat pegawai dan anggota polis di seluruh negara. Moga sentiasa dilindungi dalam menjalankan amanah. Ini adalah realiti cabaran yang dihadapi barisan hadapan setiap hari. Saya juga berterima kasih kepada semua barisan hadapan atas pengorbanan anda. Yakinlah, Kerajaan akan terus memastikan barisan hadapan mendapat sokongan yang diperlukan dalam menghadapi peperangan menentang COVID-19 ini.
3. Hari ini saya akan berkongsi **Laporan LAKSANA yang Ke-27** serta status pelaksanaan inisiatif-inisiatif PENJANA dan disusuli ulasan isu semasa. Bagi status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula, senarai adalah seperti di Lampiran 1.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

4. Di bawah PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
- Memperkasakan Rakyat;
 - Melonjakkan Perniagaan; dan
 - Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

5. Kita mulakan dengan matlamat pertama PENJANA iaitu memperkasakan rakyat.
6. **Pertama, Program Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas.** Kerajaan telah memperuntukkan pemberian RM300 secara *'one-off'* kepada golongan mudah terjejas seperti OKU dan ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), serta sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah. Sehingga 16 Oktober 2020, **sejumlah RM66.56 juta** telah disalurkan dan telah memanfaatkan **221,850 penerima**. Bagi ibu tunggal yang bukan penerima bantuan JKM, bolehlah mengemukakan permohonan **selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2020** melalui beberapa saluran termasuk Pejabat Pembangunan Negeri, JKM negeri, Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri atau di portal rasmi www.jpw.gov.my.
7. **Inisiatif kedua adalah Program Subsidi Upah (PSU).** Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak **RM11.998 bilion subsidi upah** telah diluluskan untuk **memanfaatkan lebih 322,150 majikan serta lebih 2.639 juta pekerja**. Alhamdulillah, PSU adalah antara inisiatif yang paling dimanfaatkan di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA oleh majikan – ada yang sehingga 9 bulan keseluruhannya. Fasa seterusnya PSU 2.0 akan bermula pada 1 Oktober ini. Sebagai peringatan, majikan masih boleh memohon untuk PSU 2.0 di bawah Pakej KITA PRIHATIN yang dibuka sehingga 31 Disember 2020.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
16 Oktober	11.998	2.639	322,150
9 Oktober	11.996	2.638	322,134
2 Oktober	11.967	2.636	322,022
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

8. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Secara keseluruhannya, sehingga 16 Oktober 2020, **seramai 58,822** pekerja (peningkatan daripada **52,851** minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **46,838 orang di bawah umur 40 tahun, 7,168 orang bagi golongan berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 302 orang kelainan upaya (OKU) dan 4,514 perantis.** Menurut data yang diperolehi, pengambilan pekerjaan 5 sektor tertinggi adalah dalam sektor pembuatan (23%), perkhidmatan (19%), perdagangan borong dan runcit termasuk pembaikan kenderaan (15%), penginapan dan perkhidmatan makanan (11%), dan pembinaan (5%).

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
16 Oktober	46,838	7,168	302**	4,514	58,822
9 Oktober	41,808	6,530	309	4,204	52,851
2 Oktober	38,189	5,966	293	4,169	48,617
25 September	34,476	5,456	284	3,782	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

9. **Keempat, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Program ini bertujuan menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri sekaligus meningkatkan peluang pekerjaan. Sehingga 16 Oktober 2020, seramai **102,290 individu telah diluluskan** (peningkatan daripada **94,462** minggu lalu) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Bagi mereka yang berminat, sila layari laman web Kementerian dan agensi yang terlibat. Nasihat dan panduan mencari pekerjaan juga tersedia di bawah inisiatif ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Pautan
1.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	http://ebelia.iyres.gov.my/
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	https://www.insken.gov.my/pendaftaran
3.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	great.mohe.gov.my
4.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	penjana.mara.gov.my
5.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	https:// www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html
6.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	penjanahrdf.com.my
7.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniajo/
8.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	https://www.kraftangan.gov.my/penjana

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudara yang dihormati,

10. Seterusnya, saya ingin berkongsi pencapaian di bawah matlamat 2 PENJANA, iaitu Melonjakkan Perniagaan.
11. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS dari pelbagai sektor perniagaan yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak **4,176 permohonan PKS telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM930.4 juta.**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
16 Oktober	4,176	930.4
9 Oktober	3,964	899.6
2 Oktober	3,617	833.6
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah Kumulatif

12. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion**. Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan dalam sektor pelancongan yang terkesan dengan COVID-19. Sehingga 16 Oktober 2020, terdapat **397 PKS yang telah menyerahkan permohonan mereka**, dan daripada jumlah ini sebanyak **162 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM28.8 juta**.
13. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)** khas untuk PKS Mikro. Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak **RM77.4 juta** telah disalurkan di bawah TBRS yang telah memanfaatkan **11,683 PKS Mikro**. Antara perniagaan yang dibangunkan melalui pembiayaan TBRS ini termasuk bengkel-bengkel kenderaan, kedai-kedai runcit serta pembuatan kraftangan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
16 Oktober	11,683	77.4
9 Oktober	11,546	76.6
2 Oktober	11,481	76.1
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

14. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak **RM133.3 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **3,668 PKS Mikro** merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
16 Oktober	3,668	133.3
9 Oktober	3,266	119.4
2 Oktober	2,692	98.7
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang dihormati,

15. Seterusnya, saya akan berkongsi matlamat ke-3 PENJANA iaitu merangsang ekonomi.
16. **Pertama, sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan.** Inisiatif ini diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian dan makanan melalui **suntikan pembiayaan di samping menyediakan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan.** Daripada jumlah peruntukan sebanyak **RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.** Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak **RM30.3 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **3,759 PKS Mikro pertanian.** Selain skim pembiayaan mikro kredit, inisiatif ini juga merangkumi insentif memudahcara mobiliti pekerja pertanian kepada syarikat perintis, dan sumbangan setara (*in-kind*) bagi menyokong pertanian bandar.

17. Kedua, **Kempen e-Commerce untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana PENJANA** atau **PENJANA MSMEs e-Commerce Campaign**. Kempen ini diterajui oleh **Malaysian Digital Economy Corporation** atau **MDEC** dan dilancarkan pada hujung bulan Jun untuk membantu perniagaan tempatan meningkatkan produktiviti dan pengoperasian mereka melalui penerapan *e-commerce* dan pendigitalan. 20 pelantar *e-commerce* telah menyokong usaha ini sebagai rakan pelaksana strategik. **Sehingga bulan Oktober, lebih 45,000** perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) baharu telah mendaftar bersama rakan strategik tersebut dan lebih **115,000 PMKS** telah mendapat manfaat yang pelbagai. Jumlah jualan yang telah berjaya dijana melalui kempen ini adalah melebihi **RM332 juta**.
18. Ketiga, inisiatif **PENJANA Shop Malaysia Online**. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan pembelian barangan penjual tempatan secara atas talian melalui pemberian baucar digital. Inisiatif ini disertai 22 pelantar *e-commerce* sebagai rakan strategik dan dibiayai bersama oleh Kerajaan. Alhamdulillah, sejak dilancarkan pada **1 Ogos 2020, PENJANA Shop Malaysia Online telah berjaya menjana jualan bernilai RM896 juta** dan memanfaatkan 7.8 juta pengguna serta lebih 213,000 penjual tempatan dari seluruh negara.
19. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada MDEC dan *rakan strategik pelantar e-commerce* atas usaha menjayakan kedua-dua **PENJANA MSMEs e-Commerce Campaign** serta **PENJANA Shop Malaysia Online**. Terima kasih juga kerana melatih dan memberi bimbingan kepada penjual dan PMKS tempatan. **Dalam masa yang singkat, lebih RM1.2 bilion penjualan atas talian telah berjaya diperolehi daripada kedua-dua inisiatif ini.**

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

20. Pada 23 September 2020 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan **Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: KITA PRIHATIN** bernilai RM10 bilion. Pakej KITA PRIHATIN memberi penekanan terhadap tiga inisiatif bantuan langsung yang memanfaatkan rakyat dan peniagaan, iaitu Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0) bernilai RM7 bilion; Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) bernilai RM2.4 bilion, dan Pembukaan Semula Geran Khas Prihatin (GKP) bernilai RM600 juta.
21. Antara perkembangan terkini adalah bagi **BPN 2.0, Kerajaan telah memulakan proses penyaluran bantuan lebih awal daripada dijadualkan. Bayaran BPN 2.0 fasa pertama pada mulanya dijangka bermula pada 26 Oktober, namun telah mula disalurkan sejak 19 Oktober lalu.** Ini adalah hasil usaha pegawai-pegawai Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan institusi kewangan yang memastikan sistem pembayaran tersedia dengan segera.

Setakat 26 Oktober, sejumlah RM3.6 bilion telah berjaya disalurkan kepada lebih 7.32 juta penerima. Ini merangkumi 6.27 juta penerima daripada kategori B40 dan 1.05 juta penerima daripada kategori M40.

22. Secara keseluruhannya, BPN 2.0 dijangka akan meringankan beban 7.5 juta penerima bujang dan isi rumah B40, serta 3.1 juta penerima M40, menjadikan keseluruhannya 10.6 juta penerima yang boleh memanfaatkan bantuan ini. InsyaAllah, penyaluran bayaran akan selesai menjelang hujung bulan ini.
23. Bagi penerima BPN 2.0 yang **tidak mempunyai akaun bank**, mereka boleh membuat penunaian di Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 26 Oktober 2020. Manakala terdapat juga lebih kurang 6,000 penerima yang didapati gagal kredit melibatkan RM2.71 juta. Mereka boleh membuat penunaian Bantuan BPN2.0 mulai **minggu kedua November 2020**. Memandangkan terdapat beberapa negeri yang sedang dalam tempoh PKPB, pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa bagi menjaga kesihatan dan keselamatan penerima.
24. Kerajaan juga ingin mengingatkan bahawa tempoh permohonan baharu BPN 2.0 masih dibuka sehingga 15 November 2020. Bagi mereka yang diluluskan, bayaran akan dibuat secara sekaligus pada bulan Januari 2021.
25. Saya juga ingin memberi peringatan bahawa permohonan **Geran Khas PRIHATIN (GKP)** akan tutup pada **31 Oktober 2020**. Permohonan adalah terbuka buat semua PKS Mikro yang berdaftar dengan LHDNM, Pihak Berkuasa Tempatan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebelum atau pada 31 Ogos 2020, DAN belum pernah menerima GKP sebelum ini. PKS Mikro yang layak bakal menerima bantuan *one-off* berjumlah RM3,000 untuk membantu mereka dalam tempoh yang sukar ini. **Bayaran disasarkan akan dibuat mulai 25 November 2020**. Kepada semua PKS Mikro yang layak, segeralah membuat permohonan GKP ini sebelum berakhirnya tempoh permohonan pada hujung bulan ini.

ULASAN ISU SEMASA DAN PENUTUP

Saudara dan saudari yang dihormati.

26. Baru-baru ini, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah mengingatkan semua untuk memberhentikan segala *politicking* yang telah mengganggu kestabilan negara.
27. Sebagai ahli Jemaah Menteri, saya menjunjung kasih di atas titah Seri Paduka Baginda Tuanku, serta kepercayaan yang diberikan kepada Kerajaan terutamanya dalam usaha memerangi penularan COVID-19.

28. Seri Paduka Baginda Tuanku juga telah menegaskan bahawa Belanjawan Negara 2021 yang akan dibentangkan di sidang Parlimen adalah amat penting kepada rakyat bagi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Sehubungan itu, saya ingin berkongsi bahawa saya dan warga Kementerian Kewangan sedang berusaha dengan penuh komitmen dan dedikasi untuk menyediakan Belanjawan 2021 yang komprehensif dan tertumpu kepada kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.
29. Belanjawan 2021 akan meneruskan momentum pemulihan ekonomi yang telah digerakkan sejak bulan Mei yang lalu serta menerusi kesemua pakej rangsangan ekonomi, iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN. Saya yakin Belanjawan 2021 tidak akan dipolitikkan dan mendapat sokongan jitu daripada ahli-ahli Yang Berhormat demi kemakmuran bersama. InsyaAllah, moga unjuran pemulihan ekonomi dapat dicapai menjelang tahun depan. Marilah kita bersama-sama berganding bahu demi negara Malaysia yang tercinta.
30. Dengan itu, saya akhiri Laporan Laksana Ke-27 ini dengan dua rangkap pantun:

Mendung di langit hujan menitik,
Berdentum guruhnya di hujung muara;
Cabaran pandemik bergelut politik,
Berat padahnya menggugat Negara.

Kencang angin gelora pun hebat,
Bijaklah Nakhoda mengawal bahtera;
Kerajaan prihatin membantu Rakyat,
Bangkitlah bersama membina Negara.

Terima kasih. Wasaalamualikum WBT. Stay safe.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
27 Oktober 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 16 Oktober 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM10.99 bilion (peningkatan daripada RM10.47 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.69 juta penerima (peningkatan daripada 4.66 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak RM315.07 juta (peningkatan daripada RM313.74 juta minggu lalu) telah disalurkan berdasarkan 965,714 tuntutan (peningkatan daripada 957,996 tuntutan minggu lalu) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu Teksi	Setakat 16 Oktober 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,869 pemandu teksi (peningkatan daripada 33,851 pemandu minggu lalu) yang berjumlah lebih RM20.32 juta (peningkatan daripada RM20.31 juta minggu lalu).
4.	Pemandu Pelancong	Setakat 16 Oktober 2020, seramai 7,644 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,642 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah lebih RM4.6 juta . Peningkatan pada jumlah penerima adalah kecil dan disebabkan oleh itu nilai Ringgit Malaysia tidak berubah setelah dibundarkan.
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 16 Oktober 2020, sejumlah RM1.8 juta telah berjaya disalurkan kepada 2,998 pemandu bas pelancong . Tiada sebarang perubahan pada minggu ini berbanding minggu lepas.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN					
6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Setakat 16 Oktober 2020, sebanyak 69,864 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,090 permohonan telah diluluskan bernilai RM85 juta (tiada peningkatan).			
		Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
		16 Oktober	69,864	13,090	85.0
		9 Oktober	69,864	13,090	85.0
		2 Oktober	69,864	13,090	85.0
		25 September	69,864	13,090	84.9
		28 Ogos	68,532	12,904	84.2
		31 Julai	65,986	12,425	82.1
		26 Jun	36,107	9,542	63.9
		31 Mei	26,509	5,245	34.8
		*Jumlah kumulatif			
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 16 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,372 PKS (peningkatan daripada 11,367 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM378.39 juta (peningkatan daripada RM378.26 juta minggu lalu).			
8.	Program TEKUN	Setakat 16 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,228 PKS (peningkatan daripada 26,222 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM199.35 juta (peningkatan daripada RM199.31 juta minggu lalu).			

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 16 Oktober 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.81 bilion (peningkatan daripada RM10.77 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,234 PKS (peningkatan daripada 23,196 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1" data-bbox="480 539 1358 1016"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>16 Oktober</td><td>10.81</td><td>23,234</td></tr> <tr> <td>9 Oktober</td><td>10.77</td><td>23,196</td></tr> <tr> <td>2 Oktober</td><td>10.73</td><td>23,078</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	16 Oktober	10.81	23,234	9 Oktober	10.77	23,196	2 Oktober	10.73	23,078	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																														
16 Oktober	10.81	23,234																														
9 Oktober	10.77	23,196																														
2 Oktober	10.73	23,078																														
25 September	10.67	22,984																														
28 Ogos	10.3	22,440																														
Julai	9.6	21,410																														
Jun	8.4	19,539																														
Mei	6.9	16,833																														
April	1.5	3,636																														